



UiTM@Media **2016**



Rencana Pilihan



UiTM@Media
2016

MUHAMMAD ARIFF
ASYRUL ADNAN



IS ancam umat Islam di Nusantara

INSIDEN pengeboman di Jakarta pada 14 Januari 2016 mengejutkan dunia kerana sebelum ini ramai beranggapan IS hanya berpengaruh di sekitar negara Asia Barat. Hakikatnya terutama di Malaysia, ancaman militan Islam sebegini sudah hangat diperkatakan sejak kewujudan JI pada awal tahun 2000. Tetapi, ia semakin hangat diperkatakan bermula pertengahan tahun 2015 apabila terdapat laporan mengatakan fahaman IS sudah menular di dalam Malaysia.

Ini dibuktikan dengan insiden penangkapan 70 orang ahli angkatan tentera Malaysia yang didakwa memiliki bahan-bahan berkaitan IS yang dilihat mampu mengesahkan mereka ini adalah pengikut IS serta insiden pada bulan November 2015. Ketika itu Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama datang ke Malaysia atas urusan lawatan rasmi dikejutkan dengan khabar angin yang mengatakan wujud ancaman pengeboman yang mengaitkan dengan gerakan tersebut.

Demikian jua apa yang diramalkan oleh para pengkaji IS dikatakan mula memperlihatkan hasilnya seperti laporan yang dikeluarkan Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik, Pusat Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam, Nanyang Technological University (NTU) yang menyatakan bahawa rantau Asia Tenggara mempunyai potensi besar untuk IS melebarkan pengaruhnya disebabkan oleh latar belakang rantau ini yang pernah memiliki sejarah kewujudan gerakan militan Islam.

Penularan IS di rantau ini, khususnya Malaysia dan Indonesia diketengahkan melalui kewujudan satu kumpulan lain yang berpaksikan kepada IS iaitu

Katibah Nusantara. Selaras dengan matlamat medium IS dalam mengukuhkan pengaruh yang berteraskan "jihad global", konsep ini diadaptasikan dengan peranan Katibah Nusantara dalam merekrut ahli IS dan memudahkan proses penyebaran dan pengukuhan IS di Malaysia dan Indonesia.

Pendekatan jihad global yang diketengahkan oleh IS ini menekankan kepada pembinaan jaringan ekstremis tempatan dalam usaha mereka untuk merekrut ahli gerakan. Pendekatan ini diperkukuhkan lagi dengan sokongan terhadap dasar metodologi yang berkisarkan kepada aspek glocalisasi (*glocalisation*) yang sememangnya mempunyai kejelasan matlamat memudahkan proses IS merekrut ahli-ahli gerakan di setiap rantau yang dimasuki pengaruh mereka.

Fokus mereka adalah bersifat *mainstream* iaitu cuba merealisasikan pembinaan jaringan dalam konteks ruang awam di kedua-dua negara atau dalam skala yang lebih besar di peringkat Asia Tenggara yang merujuk kepada keahlian di peringkat tempatan. Demikian jua dalam konteks glocalisasi yang digunakan oleh IS, aspek penekanan terhadap resapan pengaruh IS dalam kalangan rakyat tempatan lebih diutamakan kerana kelompok ini yang akan dilatih oleh IS menerapkan faham jihad global yang kemudiannya diadaptasikan di seluruh pelosok dunia.

Ini sememangnya dilihat dengan jelas dalam konteks konflik di Syria di mana kebanyakan yang dikatakan pejuang-pejuang IS yang terlibat dalam konflik di Syria adalah datang daripada pelbagai negara kesan daripada gerak daya glocalisasi IS ini. Hasil daripada beberapa maklumat kaitan.

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

dikatakan sekitar 200 orang rakyat Malaysia dan 400 orang Indonesia telah menyertai gerakan IS.

Keselamatan nasional

Dengan terlibatnya rakyat di kedua-dua negara ini dalam IS, ini menandakan bahawa IS dilihat sebagai ancaman baru terhadap dua negara ini khusus dalam konteks keselamatan nasional merangkumi aspek pertahanan dan ancaman ideologi radikal dari luar. Ancaman boleh dijelaskan dalam dua bentuk. Pertama, kewujudan pengaruh IS di Asia Tenggara mempunyai potensi yang besar untuk menandakan kebangkitan pengaruh gerakan esktrisme-radikal dalam kalangan umat Islam di rantau ini. Umum mengetahui, majoriti penduduk di Malaysia dan Indonesia adalah Muslim.

Oleh yang demikian, prinsip IS ini dilihat bertentangan dengan prinsip ajaran Islam yang berteraskan keamanan. Golongan esktrisme-radikal ini mempunyai potensi untuk menghuru-harakan keadaan politik di Malaysia dan Indonesia di peringkat geopolitik dan domestik. Imei agama Islam juga akan dicemari dengan tindakan-tindakan pihak IS yang dilihat bertentangan dengan sifat manusia yang tidak suka akan keganasan dan sekali gus mampu menimbulkan sikap prejudis baru yang menjustifikasikan lagi pandangan Barat mengatakan Islam agama yang menganjur keganasan.

Unjuran daripada perkara tersebut, ia menyumbang kepada ancaman dan impak kedua iaitu potensi umat Islam untuk berpecah belah adalah tinggi disebabkan kemunculan idea esktrisme-radikal ini. Kemunculan gerakan radikal ini disebabkan oleh salah faham tafsiran konsep jihad dalam Islam yang menyumbang kepada perpecahan umat Islam pada hari ini dan berkemungkinan besar menjadikannya semakin parah sekiranya tidak diatasi. Perkara ini turut sama akan menyumbang kepada ketidakkesatuan umat Islam khususnya di rantau

Islam khususnya di rantau Asia Tenggara. Demikian jua, ia turut sama menyumbang kepada ketidakstabilan dan ketidakharmonian di Asia Tenggara yang mampu menggugat potensi Asia Tenggara untuk menjadi sebuah rantau yang aman, bebas dan neutral daripada sebarang ancaman luaran dan dalaman.

Bagi mengelakkan ancaman tersebut wujud dan memberikan impak negatif, maka kedua-dua negara ini haruslah mengambil dalam usaha menangani agenda glokalisasi IS dari terus menyusuk masuk ke dalam masyarakat tempatan khususnya Muslim di kedua-dua buah negara. Perkara ini boleh dilihat dengan kejayaan pihak keselamatan dan risikan Malaysia dalam menangani penularan gerakan radikal Islam dan rancangan pengganas di Malaysia merujuk kepada kejayaan pasukan keselamatan yang setakat ini berjaya mematahkan empat serangan bom daripada berlaku di kawasan awam dan terbuka di Malaysia.

Selain itu, peranan institusi demokratik juga harus diketengahkan dalam menjayakan sekatan kebangkitan idea esktrisme-radikal ini daripada terus menerus memperkukuhkan agenda mereka di negara Malaysia dan Indonesia. Peranan institusi demokratik ini dilihat mempunyai potensi bagi mempromosikan idea berkenaan kesederhanaan dan kesatuan khususnya merujuk kepada komuniti Muslim di Asia Tenggara. Penubuhan Global Moderate Movement (GMM) yang berteraskan kepada prinsip kesederhanaan mampu menjayakan misi penentangan terhadap penularan pengaruh IS di rantau ini dengan menyebarkan penjelasan berkenaan impak negatif kewujudan gerakan esktrisme yang bertentangan dengan prinsip masyarakat demokratik hari ini.

Justeru, kedua-dua pihak seharusnya saling bekerjasama baik kerajaan mahupun rakyat dalam usaha untuk menangani "wabak" esktrisme-radikal Islam ini dari terus memacakkan paksi mereka di kawasan Asia Tenggara.

yang bertentangan dengan prinsip masyarakat demokratik hari ini.

Justeru, kedua-dua pihak seharusnya saling bekerjasama baik kerajaan mahupun rakyat dalam usaha untuk menangani "wabak" esktrisme-radikal Islam ini dari terus memacakkan paksi mereka di kawasan Asia Tenggara.



Kedua-dua negara ini sekiranya mempunyai satu bentuk kerjasama yang kukuh dari segi perancangan strategik di peringkat domestik dan antarabangsa serta pertahanan mampu menyumbang kepada kejayaan menangani penularan pengaruh IS daripada terus menerus mengganggu gugat kestabilan di rantau Asia Tenggara dan juga Nusantara

PENULIS ialah pensyarah Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Raub, Pahang.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

